

Mahasiswa tak boleh segan, perlu 'berjiwa' besar



E-mel: norainiputeri@yahoo.com

TAKUT bertanya, tidak agresif dan tidak memiliki pemikiran analitikal - itu antara perkara yang dibangkitkan pada Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia ke-10, apabila merumuskan mengenai ciri dan tingkah laku pelajar Malaysia di institusi pengajian tinggi tempatan.

Pedas juga telinga kita mendengarnya. Apa lagi yang tidak kena dengan pelajar IPT kita? Rasanya baru lagi kita memperkatakan mengenai penguasaan bahasa Inggeris pelajar IPT kita kurang memuaskan, yang mana hampir 30 peratus daripada 132,000 pelajar kolej komuniti, politeknik dan universiti awam hanya menguasai Tahap 1 dan 2 Ujian Inggeris Universiti Malaysia (MUET), iaitu tahap terendah pada ujian berkenaan. Sebahagian besar pelajar atau 43.3 peratus pula menguasai Tahap 3 dan 21 peratus lagi Tahap 4.

Suka atau tidak kenyataan itu kena kita telan kerana ia diluahkan sendiri Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed. Sikap pelajar IPT kita dikatakan jauh berbeza berbanding pelajar luar negara seperti dari Universiti Harvard, yang mana setiap seorang dikatakan bertanya soalan, aktif dan kritikal.

Mengapa kita takut bertanya sedang pe-

BH - 21/5/2009
patah kita sendiri ada mengatakan "malu bertanya sesat jalan, malu berkayuh perahu hanyut". Apa lagi sindrom yang mahu dikaitkan dengan anak muda yang menjadi tonggak bangsa dan harapan negara?

Psikologi perjuangan, termasuk di bidang pendidikan menuntut setiap individu untuk menjadi gagah, berani dan gigih dalam memperjuangkan sesuatu. Bagaimana kita mahu melahirkan bangsa berjiwa besar untuk menyumbang kepada peradaban, jika hari ini kita hanya mampu melahirkan graduan IPT yang 'takut untuk bertanya', tidak agresif dan tidak analitikal.

Sebagai generasi pelapis, generasi harapan negara, kita sebenarnya tidak mampu memiliki graduan IPT yang 'ala kadar' yang sekadar berbekalkan segulung ijazah, tanpa memiliki pemikiran positif, kerana cabaran dan persaingan yang menunggu di luar sana cukup getir.

Kita kena ingat bahawa belajar di universiti adalah satu peluang yang diwujudkan kerajaan. Ia bukan lahir secara kebetulan. Belajar di universiti adalah amanah seluruh bangsa Melayu untuk menjadikan anak bangsa kita gagah.

Jadi jika kita masih lagi dibelenggu sikap takut bertanya, tidak agresif dan analitikal, maka selama itulah kita akan menjadi semakin berjiwa kecil dan lemah psikologi.

Apakah program pembinaan sahsiah pelajar yang berteraskan proses pembangunan insan dan maju diri melalui kegiatan motivasi yang berstruktur dan terpinpin, tidak berjaya? Apakah kita perlu menyalahkan sistem pembelajaran di IPT kita?

Meletakkan kesalahan kepada kelema-

han yang mungkin wujud dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu sistem semata-mata, adalah tidak adil. Kita kena juga melihat dalam diri kita dan keluar daripada kepompong yang membelenggu kita selama ini. Kita tidak harus rasa rendah diri untuk bertanya, segan untuk mengeluarkan buah fikiran kerana dibimbangi sekadar diketawakan, sebaliknya bersikap lebih berani untuk memajukan diri.

Bak kata Menteri Pengajian Tinggi, usaha memperlengkapkan pelajar universiti dengan kemahiran sahsiah atau *soft skill* sebenarnya sudah dimulakan di kebanyakan IPTA dan ia akan diwajibkan di semua IPT mulai sesi pengajian akan datang.

Di sini, saya tertarik untuk memperkatakan mengenai salah satu modul iaitu Modul Ketrampilan Graduan (MKG) atau 'Finishing School Modules' yang dianjurkan pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM). Modul berkenaan menyediakan garis panduan lengkap bagi memperkembangkan penampilan pelajar. Ia juga adalah lanjutan daripada Modul Pembangunan Insaniah untuk semua IPT yang dilancarkan Menteri Pengajian Tinggi, tahun lalu.

Cukup menarik kerana modul berkenaan bertujuan menyiapkan pelajar untuk kemahiran tambahan membabitkan dua komponen utama iaitu kemahiran berkomunikasi dan menulis secara berkesan. Kedua-dua kemahiran dimaksudkan itu mengambil kira usaha memperkembangkan pelajar dengan kemahiran penguasaan dalam bahasa antarabangsa iaitu bahasa Inggeris.

Keputusan UPM melaksanakan modul

berkenaan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris amat wajar supaya pelajarnya boleh terus bersaing dalam dunia kerjaya kini yang begitu kompetitif. Program seperti ini juga amat selari dengan tuntutan majikan masa kini yang mahukan anak muda kita dilengkapi kemahiran insaniah terutama dalam hal membentuk keyakinan diri dan boleh berkomunikasi dengan lebih berkesan.

Kita kena ingat, majikan dan dunia pekerjaan masa kini tidak sekadar menjadikan pencapaian akademik yang cemerlang sebagai kayu ukur, sebaliknya calon terbilang akan menjadi pilihan - iaitu calon yang bukan saja cemerlang dalam akademik, malah mahir berkomunikasi, menguasai bahasa Inggeris dengan baik, berkeyakinan diri serta berupaya menganalisa serta membuat cadangan balas.

Pada masa sama, penguasaan bahasa Inggeris juga akan membolehkan kita meneroka peluang pekerjaan bukan saja di dalam, malah di luar negara, sekali gus untuk membuktikan universiti tempatan kita mampu mengeluarkan graduan bertaraf antarabangsa.

Justeru, selain program yang dilaksanakan pihak IPT, kesungguhan kita sendiri bersikap lebih positif juga amat dituntut. Ingatlah bahawa dengan bersikap agresif, positif, berani bertanya dan memiliki pemikiran analitikal, kita bukan saja akan menjadi insan cemerlang, malah graduan terbilang dan modal insan yang berharga untuk agama, bangsa dan negara.

Penulis ialah Ketua Puteri Umno Malaysia